



No. Rujukan : PKPMP.PKHN.600-2/3/1

Tarikh. : 4 November 2024

YA Hakim Mahkamah Persekutuan  
YA Hakim Mahkamah Rayuan

YA Hakim/ Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi

Hakim Mahkamah Sesyen  
Mahkamah Sesyen

Pegawai Penyelidik  
kepada Hakim Mahkamah Persekutuan/ Mahkamah Rayuan

Timbalan Pendaftar/ Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan/ Mahkamah Rayuan/ Mahkamah Tinggi

Majistret  
Mahkamah Majistret

**ARAHAN AMALAN KETUA HAKIM NEGARA  
BILANGAN 1 TAHUN 2024  
PENETAPAN SKEMA WARNA UNTUK PINDAAN DALAM  
PROSIDING MAHKAMAH**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Aturan 92, Kaedah 3B Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [*P.U.(A) 205/2012*], saya, setelah berunding dengan YAA Presiden Mahkamah Rayuan (yang turut menjalankan kuasa-kuasa dan tugas-tugas sebagai Hakim Besar Malaya) dan YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak, mengeluarkan

Arahan Amalan ini bagi menetapkan skema warna untuk pindaan dalam prosiding mahkamah di seluruh Malaysia bagi tujuan memastikan keseragaman seperti berikut:

## **PEMAKAIAN**

2. Arahan Amalan ini terpakai kepada pindaan dalam prosiding mahkamah yang merangkumi writ, pliding atau dokumen lain bagi semua prosiding sivil yang difailkan di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret di seluruh Malaysia.

## **TAFSIRAN**

3. Dalam Arahan Amalan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

“Hakim” ertinya Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen, Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar dan Majistret mengikut mana-mana yang berkenaan.

## **SKEMA WARNA UNTUK PINDAAN**

4. Pihak-pihak hendaklah memastikan pindaan bagi writ, pliding atau dokumen lain yang digunakan dalam prosiding mahkamah mematuhi turutan warna seperti yang berikut:

| <b>WARNA</b> | <b>PINDAAN</b> |
|--------------|----------------|
| Merah        | pertama        |
| Hijau        | kedua          |
| Ungu         | ketiga         |
| Kuning       | keempat        |

5. Skema warna bagi apa-apa pindaan lanjut, selain daripada yang ditetapkan dalam perenggan 4 di atas adalah ditentukan oleh Haikm sebagaimana yang difikirkan sesuai.

6. Sekiranya pindaan-pindaan yang dibenarkan adalah terlalu banyak dan memberikan kesan kepada pembacaan writ, pliding atau dokumen lain tersebut,

pihak-pihak hendaklah memfailkan satu dokumen yang mengandungi versi terpinda dan versi bersih seperti yang berikut:

|                       |   |
|-----------------------|---|
| <b>Versi Terpinda</b> | dokumen terpinda mengandungi pindaan berwarna sebagaimana dinyatakan dalam perenggan 4 dan 5 di atas; dan |
| <b>Versi Bersih</b>   | salinan bersih dokumen terpinda.  |

#### TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA

7. Arahan Amalan ini mula berkuat kuasa pada **15 November 2024**.



**(TUN TENGGU MAIMUN BINTI TUAN MAT)**

Ketua Hakim Negara

Istana kehakiman

PUTRAJAYA

**SALINAN KEPADA:**

YAA Presiden Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

YBhg. Peguam Negara  
Jabatan Peguam Negara  
Putrajaya

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Pendaftar  
Mahkamah Rayuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
Kota Kinabalu  
Sabah

Pendaftar  
Mahkamah Rendah Malaya  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Pendaftar  
Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak  
Kota Kinabalu  
Sabah

Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

Yang Dipertua  
Majlis Peguam Malaysia  
Kuala Lumpur

Presiden  
*Sabah Law Society*  
Sabah

Presiden  
*Advocate Association of Sarawak*  
Sarawak